

Memperjuang hak pekerja

Sambutan Hari Pekerja disambut pada 1 Mei setiap setahun. Sejauh manakah sambutan tersebut signifikan kepada mereka yang bergelar pekerja?

Oleh NOOR HASLIZA NUSI
hasliza.nusi@kosmo.com.my

HARI ini adalah hari untuk mereka yang bergelar pekerja. Sama ada anda seorang guru, operator pengeluaran, pengarah, kontraktor binaan, kerani seorang tukang cuci atau apa saja pekerjaan yang anda lakukan, anda adalah pekerja.

Namun, lumrah setiap kali menjelangnya sambutan Hari Pekerja pelbagai isu-isu berkaitan golongan ini akan disuarakan. Semuanya untuk membela nasib golongan ini.

Pekerja dihentikan kerana masalah ekonomi, gangguan seksual, gaji rendah, permohonan cuti tahunan dibekukan dan gagal menerima eluan kerja lebih masa, antara isu yang seringkali mendapat pendedahan.

Hari ini dengan kesedaran yang semakin tinggi, pendahaman media yang semakin luas, keberanian badan bukan

Sempena sambutan Hari Pekerja 1 Mei 2009

kerajaan (NGO) dan ketegasan pihak kerajaan menyaksikan nasib pekerja di negara semakin terbelah. Pelbagai dasar, akta dan undang-undang yang digubal sedikit sebanyak mendorong satu transformasi.

Pekerja mula memiliki hak keistimewaan tersendiri dan mampu me-

nikmati kesenangan menerusi kuasa yang diterima.

Menyentuh mengenai keistimewaan yang diperoleh oleh para pekerja, masih ramai lagi yang belum mengetahui sejauh manakah pekerja-pekerja di Malaysia mendapat hak pembelaannya?

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan yang dihubungi

Kosmo! berkata, ramai pekerja hari ini yang masih terikat dalam bentuk kerjaya konvensional dengan bekerja secara formal di sektor swasta dan kerajaan.

"Dari segi peruntukan memang terjamin, manakala dari segi keselamatan sosial pula membolehkan dua langkah diperkenalkan oleh pihak kerajaan dalam membantu para pekerja.

"Pertama, isu mengenai jaminan masa tua iaitu menerusi caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). KWSP adalah satu bentuk penyediaan jaminan kewangan selepas persaraan khususnya bagi pekerja swasta dan kerajaan yang memilih skim caruman tersebut.

"Majikan mencarumkan sebanyak 12 peratus daripada gaji pekerja, manakala pekerja pula mencarumkan sebanyak lapan peratus daripada gaji bulanan mereka.

"Setiap bulan, mereka akan mencarumkan sebanyak 20 peratus daripada gaji bulanan sehingga mereka mencapai usia 55 tahun," katanya. Caruman yang dilakukan pada setiap bulan oleh majikan dan pekerja adalah menjadi hak pekerja dan boleh dikehalkan apabila berusia 55 tahun.

Ketegasan kerajaan dan penguatkuasaan undang-undang menyaksikan banyak majikan yang akur dengan menarik caruman dalam KWSP.

Kaedah kedua katanya, jaminan terhadap kemalangan para pekerja. Pertubuhan Keselamatan Sosial (Socso)



SHAMSUDDIN BARDAN



KURANG pengetahuan mengenai hak dan pembelaan pekerja antara masalah yang dihadapi oleh para pekerja di Malaysia.

KEWUJUDAN
skim latihan semula para pekerja yang dihentikan adalah satu langkah terbaik.



ditubuhkan bagi menjaga keselamatan para pekerja.

Selain itu, sekiranya majikan memberhentikan pekerjanya tanpa sebab yang munasabah, seorang pekerja itu boleh mempertikaikan tindakan majikan berkenaan melalui Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

"Melalui akta ini, mereka juga boleh menuntut kepada majikan agar mengambil semula mereka bekerja.

"Terdapat banyak kes yang membabitkan pemecatan dan pertikaian perusahaan yang lain telah dibawa ke Mahkamah Perusahaan," katanya. Mahkamah Perusahaan ditubuhkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Yang pasti, pelaksanaan pelbagai organisasi, dasar dan peraturan ini mengangkat nasib pekerja di negara ini jauh lebih baik daripada pekerja di kebanyakan negara jiran bahkan di kalangan negara-negara membangun.

Tidak dapat dinafikan, masalah ekonomi hari ini telah memaksa banyak pihak mewujudkan skim latihan semula kepada para pekerja yang diberhentikan.

"Skim ini bertujuan agar mereka dapat kemahiran baru dan terus diserapkan ke sektor pekerjaan baru," ujarnya.

Sebanyak RM2 bilion dipergunakan

kerajaan menerusi Bajet Mini yang dibentangkan pada 10 Mac lalu bertujuan untuk bidang kemahiran para pekerja dan bagi menangani isu pemberhentian kerja.

Bagaimanapun bagi Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Syed Shahir Syed Mohamud, dari segi hak dan pembelaan ke atas para pekerja di Malaysia, hakikatnya masih banyak yang tidak berubah.

"Ini kerana, pekerja di Malaysia mudah dipecat dan ditamatkan perkhidmatan.

"Ramai pekerja tempatan hilang pekerjaan atau diberhentikan oleh majikan. Walaupun majikan mempunyai kuasa pemberhentian kerja dan pembayaran gaji, namun isu ini masih belum dapat diselesaikan.

"Malah, ada sebahagian pekerja tidak tahu hendak menyelesaikan masalah yang dihadapi atau tidak pernah terdedah dengan akta yang digubal oleh pihak berwajib," ujarnya serius.

Selain itu katanya, sebab lain kenapa pekerja tempatan kurang mendapat



SYED SHAHIR SYED MOHAMUD



HARI ini, pekerja mempunyai hak dan kuasa dalam menyelesaikan perkara melibatkan majikan dan pekerja.

KIRI: CABARAN yang pelbagai perlu dihadapi pihak berwajib bagi menangani masalah para pekerja dan majikan.

Info

- Menurut laporan media yang dikeluarkan oleh Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan pada 30 Mac 2009 lalu, sebanyak 26,224 orang telah diberhentikan kerja di negara ini sejak 19 Mac 2009. Beliau memberitahu, daripada jumlah itu, sebanyak 12,674 rakyat tempatan dar 6,651 warga asing diberhentikan kerja begitu sahaja, manakala selebihnya ditawarkan skim pemisahan sukarela (VSS).

- Pada tahun 2006, statistik aduan kes gangguan seksual oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati, sebanyak 2,023 kes gangguan seksual dilaporkan dan 1,646 daripadanya berjaya diselesaikan sementara selebihnya masih dalam siasatan.

- Pindaan Akta Pencen 1980 membolehkan 141,116 penerima pencen yang terdiri daripada bahu, duda atau anak pesara kerajaan, menerima bayaran penuh pencen terbitan seumur hidup mereka.

- Lebih 40,000 kakitangan awam yang sebelum ini mengambil opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menarik nafas lega apabila mereka kini dibenarkan untuk bertukar kepada skim pencen, berkuat kuasa 1 Februari 2009. Mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata, kakitangan awam terbabit diberikan peluang selama sebulan untuk membuat pilihan berhubung skim tersebut iaitu dari 1 Januari hingga 31 Januari 2009.

hak dan pembelaannya adalah disebabkan jumlah pekerja yang menganggotai kesatuan pekerja yang sedikit.

"Apa yang lebih menyedihkan, ada pekerja yang suka mengambil kesempatan dengan apa yang ada. Sikap acuh tak acuh pekerja itu sendiri, dengan

alasan walaupun tidak menganggotai kesatuan, mereka tetap menikmati manfaat sama seperti ahli kesatuan menyebabkan kesatuan semakin lemah," ujarnya sambil memberitahu, kesatuan telah wujud di Malaysia lebih 100 tahun, tetapi banyak hal yang diperjuangkan masih belum dapat dicapai.